

## Level of Competency of Graduates of the Special Science Campus Teacher Education Institute

Faridah Yakob, \*Lee Leh Hong  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia  
\*sharonlee@ipgkik.edu.my

(Received: 7 Nop 2022 / Accepted: 25 Des 2022/Published Online: 26 Desember 2022)

### Abstract

The Malaysian Teacher Standard is a standard that outlines the professional competence that should be achieved by teachers, and the requirements that should be provided by teacher training agencies and institutions to help teachers achieve the set level of competence. This study was conducted to review the level of competence of the June 2018 intake students who have just completed their five (5) year studies at IPG Special Science Campus, Kuala Lumpur. The study sample consisted of 85 students who had studied in the specialization field of Special Education (Learning Problems, Vision Problems, Hearing Problems), Music Education, Physical Education and Health. This study uses a quantitative approach using the Self Competency Checklist (SSKD) SGM 2.0. The Competency Dimension in the SGM 2.0 Framework is the main reference in this study. The findings of the study show that overall the level of competency of the entire SGM 2.0 domain of PISMP Ambilan June 2018 IPGKIK students is at a mean=3.0 (SP=0.78). This shows that students have successfully achieved the SGM 2.0 competency standard in all four domains of SGM 2.0, namely knowledge orientation, knowledge orientation, instructional, community involvement and personal qualities. Although the mean of all four domains reached the SGM 2.0 competency standard, it was found that the mean for the knowledge orientation domain was 2.95 and the mean for the instructional domain was 2.98 compared to the community involvement domain which was a mean of 3.00 and the personal quality domain with a mean of 3.08. The researcher also suggested that IPGM continue to plan and improve the programs offered taking into account the current challenges to develop a generation of students who can face and deal with new challenges especially in the era of the information revolution of the 21st century in order to produce future teachers who are competent and have an educational spirit and meet SGM 2.0 standards.

**Keywords:** Malaysian Teacher Standards, knowledge orientation, instructional, community involvement, personal qualities.

### Abstrak

Standard Guru Malaysia merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru-guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kompetensi pelajar Ambilan Jun 2018 yang baru menamatkan pengajian mereka selama lima (5) tahun di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada 85 orang pelajar yang telah mengikuti pengajian dalam bidang pengkhususan Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran, Masalah Penglihatan, Masalah Pendengaran), Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) SGM 2.0. Dimensi Kompetensi dalam Kerangka SGM 2.0 menjadi rujukan utama dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kompetensi keseluruhan domain SGM 2.0 pelajar PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berada pada min=3.0 (SP=0.78). Ini menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 dalam keempat-empat domain SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi. Walaupun min keempat-empat domain mencapai standard kompetensi SGM 2.0, didapati bahawa min bagi domain orientasi ilmu adalah 2.95 dan min bagi

domain instruksional adalah 2.98 berbanding dengan domain pelibatan komuniti iaitu min 3.00 dan domain kualiti peribadi dengan min 3.08. Pengkaji juga mencadangkan bahawa IPGM terus merancang dan menambahbaik program yang ditawarkan dengan mengambilira cabaran masa kini untuk membangunkan generasi pelajar yang dapat menghadapi dan menangani cabaran-cabaran baharu terutamanya dalam era revolusi informasi abad ke-21 agar dapat menghasilkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik serta menepati standard SGM 2.0.

**Kata kunci:** Standard Guru Malaysia, orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti, kualiti peribadi.

## I. PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2009 telah membangunkan suatu standard iaitu Standard Guru Malaysia (SGM) yang bertujuan melahirkan guru yang berkualiti. SGM menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Bagi memastikan kompetensi guru yang disenaraikan bersesuaian dengan perubahan terkini pendidikan dalam abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0, maka Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) telah dihasilkan pada 2019 dan diterbitkan dalam cetakan pertama pada 2020 menggantikan SGM. Dokumen ini menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki seorang guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan [1].

Kompetensi dalam SGM 2.0 ini diharapkan dapat melahirkan guru yang berjiwa pendidik dan perlu digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional bagi seseorang guru supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan seterusnya dapat merancang pembangunan profesional kendiri mengikut keperluan masing-masing. SGM2 .0 dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan dalam membangunkan guru yang kompeten serta berkualiti dan juga memastikan guru kekal berkualiti dalam menjalankan tugas mereka sepanjang tempoh perkhidmatan. Guru dan pentadbir sekolah dapat mengenal pasti kompetensi sedia ada, kompetensi yang boleh dibangunkan dan ruang penambahbaikan untuk merancang keperluan pembangunan profesionalisme mereka. Bagi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pula SGM 2.0 digunakan sebagai rujukan untuk menyelaras program latihan dan keperluan kurikulum latihan mengikut standard kompetensi yang ditetapkan. SGM 2.0 juga boleh dijadikan rujukan kepada pembuat dasar atau keputusan dalam penetapan syarat-syarat pemilihan dan pengambilan guru pelatih. Bagi guru pelatih pulan SGM 2.0 dapat dijadikan sebagai panduan untuk mengenal pasti keperluan kompetensi dalam persediaan untuk melengkapkan diri sebelum memasuki profesi keguruan.


Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan guru siswazah yang terlatih. Program pengajian yang ditawarkan oleh IPGM adalah untuk menyediakan bakal guru dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan amalan pedagogi dan pelbagai aspek lain dalam profesion perguruan. Program yang ditawarkan ini dilaksanakan di kampus-kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara. Secara umumnya, matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru-guru siswazah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru [2]. Dalam usaha ini juga, IPGM berharap dapat menghasilkan graduan keluaran IPG kompeten dan berjiwa pendidik sejajar dengan kompetensi yang digariskan dalam SGM 2.0.

Isu berkaitan kualiti guru dan etika profesi keguruan sering berlaku di negara kita. Ini menunjukkan kekurangan ruang penambahbaikan dalam pembangunan profesionalisme keguruan. Menurut Sazali, Yusof et al. (2018), guru kurang menghayati profesi keguruan khususnya dari aspek amalannya, iaitu amalan sedia berkorban yang rendah dalam kajian mereka. Ini juga bermakna bahawa kurangnya sifat seorang guru yang berjiwa pendidik. Menurut Mohd Aizat Abu Hassan dan Kamarudin Musa (2020), keperibadian guru memainkan peranan utama dalam profesionalisme keguruan. Setiap guru harus memiliki sifat amanah dan ikhlas bagi menunaikan tanggungjawab sebagai seorang guru berpandukan etika keguruan.

Setiap tahun, graduan IPG ditempatkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara berdasarkan bidang pengkhususan dan keperluan negara setelah mengikuti pembelajaran selama lima (5) tahun iaitu program persediaan satu (1) tahun dan Program Ijazah Sarjana Musa Perguruan (PISMP) empat(4) tahun. Hasrat IPG adalah melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Namun, kompetensi mereka ini perlu dikaji sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan demi menjaga kualiti dan memastikan graduan yang dihasilkan IPG ini menepati standard kompetensi guru seperti yang digariskan dalam SGM 2.0. SGM 2.0 merupakan satu standard yang dapat menjadi penandaaras kepada IPG dalam melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik.

Standard yang bakal dilancarkan oleh KPM ini amat bertepatan dengan IPG kerana matlamat program PISMP ini adalah untuk melahirkan guru yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik kelak. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan kualiti graduan IPG bertepatan dengan standard SGM 2.0, maka amat perlu untuk IPG mengkaji tahap kompetensi bakal graduan IPG yang baharu menamatkan pengajian serta melalui semua program pembangunan kompetensi guru yang telah distrukturkan oleh IPGM. Ini adalah bagi memastikan bahawa graduan keluaran IPG merupakan seorang bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik sebelum mereka dilantik menjadi guru terlatih. Tambahan lagi dalam kajian [3] mendapat bahawa ramai guru kurang jelas dengan objektif dan kandungan Standard Guru Malaysia 2.0 dan pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru. Standard Guru Malaysia 2.0 adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan dan semua guru jelas dengan tanggungjawab guru terhadap profesi, murid, ibu bapa, masyarakat dan negara. SGM 2.0 merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi professional yang patut dicapai oleh guru dalam membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik (KPM, 2020). Kerangka SGM 2.0 didasari oleh dua komponen utama, iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan (Rajah 1). Dimensi kompetensi terdiri daripada empat domain, iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti, dan kualiti peribadi. Empat (4) domain ini mengandungi 15 kompetensi dan 35 elemen. Kerangka ini juga merangkumi etika keguruan yang dijelaskan melalui empat teras, iaitu tanggungjawab terhadap profesi, tanggungjawab terhadap murid, tanggungjawab terhadap ibu bapa/ penjaga, dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Rajah 1  
Kerangka SGM 2.0



Sumber: Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama (2020), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada dimensi kompetensi dalam Kerangka SGM 2.0 iaitu yang terdiri daripada empat (4) domain. Domain merangkumi tindakan atau perlakuan profesional seorang guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan keperibadian dalam konteks PdP serta merupakan ciri-ciri yang membawa kepada pencapaian sesuatu standard kompetensi. Terdapat empat (4) domain yang disenaraikan dalam SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan. Setiap domain diperincikan dengan kompetensi, elemen, dan deskriptor. Terdapat sebanyak 15 kompetensi dalam kerangka ini iaitu merupakan aspek nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran yang terdiri daripada kombinasi ciri-ciri kualiti dan keupayaan profesional yang perlu bagi memastikan prestasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seorang guru. Setiap kompetensi tersebut diperincikan melalui elemen masing-masing.

Terdapat sebanyak 35 elemen dalam kerangka ini Elemen merujuk kepada tindakan atau perlakuan profesional guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran, dan keperibadian dalam konteks PdP. Jiwa pendidik dalam Kerangka SGM 2.0 (2020) merujuk kepada kepercayaan asasi yang membentuk gaya fikir dan amalan seseorang guru. Guru berjiwa pendidik perlu mempercayai bahawa ilmu mesti dicari secara sukarela dan berterusan untuk membentuk keperibadian, perwatakan serta profesionalisme seseorang guru (SGM, 2020). Dalam konteks ini, guru berjiwa pendidik hendaklah profesional untuk memahami tugas dan tanggungjawab

## II. METODE PENELITIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai cara mengumpul data utama melalui kaedah kajian tinjauan. Sampel kajian ini adalah seramai 85 orang pelajar yang merupakan keseluruhan populasi pelajar Ambilan Jun 2018 yang telah mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas. Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) telah diedarkan secara atas talian menggunakan *google form* kepada mereka. SSKD meliputi lima (5) bahagian seperti yang berikut;

Bahagian A : Demografi Responden

- Bahagian B : Domain Orientasi Ilmu  
Bahagian C : Domain Instruksional  
Bahagian D : Domain Pelibatan Komuniti  
Bahagian E : Domain Kualiti Peribadi

### **HASIL DAN PEMBAHASAN**

Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) merupakan panduan kepada guru untuk mengenal pasti keupayaan sedia ada bagi merancang pembangunan profesionalisme kendiri secara berterusan. SSKD disusun berdasarkan Domain, Kompetensi, Elemen, dan Deskriptor seperti yang terkandung dalam SGM 2.0.

Jadual 1

*Jadual Deskriptor SSKD*

	Tahap	Penjelasan Tahap
1	Saya belum berupaya	Terdapat kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan
2	Saya berupaya tetapi perlu belajar lagi	Mempunyai kekuatan yang memenuhi keperluan minimum tetapi perlu mempertingkatkan aspek profesionalisme
3	Saya berupaya dengan baik	Banyak kekuatan yang melebihi keperluan minimum
4	Saya sangat berupaya dan boleh membimbing individu lain	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas dan mempunyai nilai tambah yang dapat dikongsi bersama-sama individu lain

Sumber: Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama (2020), Kementerian Pendidikan Malaysia

Jadual 1 di atas menunjukkan deskriptor SSKD disediakan mengikut empat (4) tahap keupayaan. Deskriptor merupakan huraian tindakan atau perlakuan profesional yang boleh dilihat dan diukur bagi setiap elemen. Deskriptor ini dijadikan instrumen penilaian kendiri seperti di Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) bagi mengenal pasti standard kompetensi guru.

### **Dapatan kajian**

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan program 'Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) Standard Guru Malaysia 2.0 (KPM, 2020) dengan mengintepretasikan min tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK dalam kajian ini seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

*Jadual Interpretasi Tahap SSKD*

Tahap	Interpretasi Tahap SSKD
-------	-------------------------

1.00-2.00	Keupayaan kendiri yang dinilai pada tahap "Saya berupaya tetapi perlu belajar lagi" atau "saya belum berupaya". Ini menunjukkan guru hanya mencapai standard kompetensi minima dan perlu meningkatkan kompetensi melalui PPB yang bersesuaian mengikut keperluan guru.
2.01-4.00	Keupayaan kendiri yang dinilai pada tahap "Saya sangat berupaya dan boleh membimbang individu lain" atau "saya berupaya dengan baik". Ini menunjukkan guru telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0.

Sumber: Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama (2020), Kementerian Pendidikan Malaysia

### Profil Responden Kajian

Seramai 85 orang pelajar PISMP Ambilan Jun 2018 dari lima (5) pengkhususan pengajian telah memberikan respon kepada SSKD iaitu merupakan 100% populasi pelajar PISMP Ambilan Jun 2018. Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa terdapat 28 (33%) orang pelajar lelaki dan 57 (67%) orang pelajar adalah perempuan.

**Jadual 3**  
*Taburan Responden Kajian Mengikut Jantina*

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	28	33.0
Perempuan	57	67.0
Jumlah	85	100

**Jadual 4**  
*Taburan Responden Kajian Mengikut Bidang Pengkhususan*

Bil	Pengkhususan Pengajian	Bil	Peratus (%)
1	P.Khas Masalah Pembelajaran	25	29.4
2	P.Khas Masalah Penglihatan	4	4.7
3	P.Khas Masalah Pendengaran	12	14.1
4	Pendidikan Muzik	26	30.6
5	Pendidikan Jasmani & Kesihatan	18	21.2
	Keseluruhan	85	100.0

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden kajian daripada lima (5) bidang pengkhususan iaitu seramai 25 (29.4%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, 4 (4.7%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Penglihatan, 12 (14.1%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, 26 (30.6%) pelajar daripada Pendidikan Muzik dan 18 (21.2%) pelajar daripada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

- a. Tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0

Tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK dianalisis berdasarkan empat (4) domain iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dalam SGM 2.0.

### **Jadual 5**

Tahap Kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK Berdasarkan SGM 2.0

Domain	Min	Sisihan piawai
Orientasi Ilmu	2.95	0.72
Instruksional	2.98	0.78
Pelibatan Komuniti	3.00	0.81
Kualiti Peribadi	3.08	0.80
Keseluruhan	3.00	0.78

Bagi menjawab persoalan kajian pertama apakah tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dapatkan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan Jadual 5 di atas, dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kompetensi keseluruhan domain SGM 2.0 graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berada pada min=3.0 (SP=0.78). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 dalam keempat-empat domain SGM 2.0.

- b. Tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi.

Dapatkan kajian tentang tahap kompetensi graduan dibincangkan berdasarkan setiap domain kompetensi SGM 2.0 iaitu domain orientasi ilmu, domain instruksional, domain pelibatan komuniti dan domain kualiti peribadi.

- c. Tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK dari domain orientasi ilmu

Domain orientasi ilmu mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah mendalami dan meluaskan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) iaitu keupayaan menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam. Kompetensi yang kedua adalah memahami falsafah, dasar,kurikulum dan kokurikulum iaitu keupayaan memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum. Kompetensi yang ketiga adalah mengemas kini pengetahuan dari semasa ke semasa berdasarkan trend dan perkembangan pendidikan terkini iaitu keupayaan mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa. Kompetensi yang keempat adalah memahami dan mendalami pengetahuan dalam pengurusan organisasi dan hal ehwal murid iaitu keupayaan mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi.

- d. Tahap keupayaan menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam

### **Jadual 6**

*Tahap Keupayaan Menguasai dan Memperluaskan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Bagi Mendapatkan Pengetahuan PdP yang Mendalam*

Elemen	Bilangan	Min	SP
--------	----------	-----	----

Item				
Elemen 1.1.1 : Menguasai Pedagogi Isi Kandungan Mata Pelajaran	7	3.09	0.11	
Elemen 1.1.2 : Menggunakan Pengetahuan Berdasarkan Kepelbagai Sumber Pendidikan dan Pengetahuan Berdasarkan Kajian	3	3.05	0.76	
	10	3.07	0.44	

Terdapat dua elemen dalam kompetensi ini iaitu elemen yang pertama menguasai pedagogi isi kandungan mata pelajaran dan elemen menggunakan pengetahuan berdasarkan kepelbagai sumber pendidikan dan pengetahuan berdasarkan kajian. Berdasarkan Jadual 6 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.07 (SP = 0.44). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

- e. Tahap keupayaan memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum

**Jadual 7**

Tahap Keupayaan Memahami Falsafah, Dasar dan Menguasai Pelaksanaan Kurikulum dan Kokurikulum

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 1.2.1 : Memahami Dan Menghayati Falsafah Pendidikan	3	3.05	0.77
Elemen 1.2.2 : Memahami Dasar Pendidikan Dan Implikasinya Terhadap PdP	3	2.89	0.77
Elemen 1.2.3 : Menguasai Pelaksanaan Kurikulum	3	2.89	0.77
Elemen 1.2.4 : Menguasai Pelaksanaan Kokurikulum	3	2.89	0.85
Keseluruhan	12	2.89	0.80

Terdapat empat elemen dalam kompetensi ini iaitu elemen yang pertama adalah memahami dan menghayati falsafah pendidikan, elemen kedua adalah memahami dasar pendidikan dan implikasinya terhadap PdP, elemen ketiga adalah menguasai pelaksanaan kurikulum dan elemen keempat adalah menguasai pelaksanaan kokurikulum. Berdasarkan Jadual 7 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 2.89 (SP = 0.80). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

- f. Tahap keupayaan mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa

**Jadual 8**

Tahap Keupayaan Mengikut Trend Selari dengan Perkembangan Pendidikan Terkini untuk Keperluan Pendidikan Semasa

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 1.3.1 : Mengikuti Trend dan Perkembangan Pendidikan Terkini	8	2.89	0.85
Keseluruhan	8	2.89	0.85

Terdapat satu elemen dalam kompetensi ini iaitu mengikuti trend dan perkembangan pendidikan terkini. Berdasarkan Jadual 8 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 2.89 (SP = 0.85). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

1. Tahap keupayaan mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi

#### **Jadual 9**

Tahap Keupayaan Mendalami Pengetahuan dalam Bidang Pengurusan Organisasi dan Hal Ehwal Murid Selaras dengan Hala Tuju Organisasi

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 1.4.1 : Menguasai Bidang Pengurusan Organisasi	3	3.01	0.78
Elemen 1.4.2: Menguasai Bidang Hal Ehwal Murid	3	2.80	0.85
Keseluruhan	6	2.91	0.82

Terdapat dua elemen dalam kompetensi ini iaitu elemen yang pertama menguasai bidang pengurusan organisasi dan elemen menguasai bidang hal ehwal murid. Berdasarkan Jadual 9 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 2.91 (SP = 0.82). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini. Bagi menjawab persoalan kajian kedua apakah tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain orientasi ilmu, dapatan kajian menunjukkan bahawa graduan berjaya berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi keempat-empat kompetensi dalam domain ini.

- g. Tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK dari domain instruksional

Domain instruksional mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna. Kompetensi yang kedua adalah merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Kompetensi yang ketiga adalah melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid. Kompetensi yang keempat adalah melaksanakan pentaksiran pembelajaran iaitu keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid.

- h. Tahap keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna

#### **Jadual 10**

**Tahap Keupayaan Mengenal Pasti Keperluan, Potensi dan Keunikan Murid untuk Memperkembangkan Pengetahuan, Kemahiran dan Sahsiah Murid bagi Pembelajaran yang Bermakna**

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 2.1.1 : Mengenal Pasti Keperluan Murid Untuk Pembelajaran Berkesan	7	3.00	0.77
Elemen 2.1.2 : Mengenal Pasti Potensi Murid Untuk Mengupayakan Pembelajaran	5	3.03	0.75
Elemen 2.1.3 : Menghargai Keunikan Murid	5	3.09	0.76
Keseluruhan	17	3.06	0.76

Terdapat tiga elemen dalam kompetensi ini iaitu elemen yang pertama mengenal pasti keperluan murid untuk pembelajaran berkesan, elemen kedua mengenal pasti potensi murid untuk mengupayakan pembelajaran dan elemen menghargai keunikan murid. Berdasarkan Jadual 10 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.06 (SP = 0.76). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

- i. Tahap keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh

**Jadual 11**

**Tahap Keupayaan Merancang PdP dengan Merujuk kepada Dokumen Kurikulum Terkini untuk Membangunkan Potensi Murid Secara Menyeluruh**

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 2.2.1 : Merancang Pelaksanaan PdP	7	3.00	0.78
Keseluruhan	7	3.00	0.78

Terdapat satu elemen dalam kompetensi ini iaitu merancang pelaksanaan PdP. Berdasarkan Jadual 11 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.00 (SP = 0.78). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

- j. Tahap keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid

**Jadual 12**

**Tahap Keupayaan Melaksanakan PdP Menggunakan Pedagogi yang Bersesuaian dengan Aras Keupayaan Murid**

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 2.3.1 : Melaksanakan PdP yang berkesan ke arah pembelajaran bermakna	13	2.98	0.77
Elemen 2.3.2 : Menyediakan persekitaran (ekosistem) pembelajaran kondusif	8	3.03	0.76
Keseluruhan	21	3.01	0.77

Terdapat dua elemen dalam kompetensi ini iaitu elemen yang pertama melaksanakan PdP yang berkesan ke arah pembelajaran bermakna dan elemen kedua menyediakan persekitaran (ekosistem) pembelajaran kondusif. Berdasarkan Jadual 12 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.01 (SP = 0.77). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

k. Tahap keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid

**Jadual 13**

Tahap Keupayaan untuk Melaksanakan Pentaksiran yang Bersesuaian dengan Aras Keupayaan Murid bagi Meningkatkan Pembelajaran Murid

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 2.4.1 : Merancang kaedah pentaksiran pembelajaran yang bersesuaian	3	2.93	0.81
Elemen 2.4.2 : Melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian	4	2.90	0.81
Elemen 2.4.3 : Menilai dan memantau kemajuan murid untuk memberikan bimbingan yang bersesuaian	6	2.96	0.80
Elemen 2.4.4 : Menggunakan hasil pentaksiran untuk membuat keputusan	4	2.92	0.82
Keseluruhan	17	2.93	0.81

Terdapat empat elemen dalam kompetensi ini iaitu elemen yang pertama merancang kaedah pentaksiran pembelajaran yang bersesuaian, kedua melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian, ketiga menilai dan memantau kemajuan murid untuk memberikan bimbingan yang bersesuaian dan elemen keempat menggunakan hasil pentaksiran untuk membuat keputusan. Berdasarkan Jadual 13 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 2.93 (SP = 0.81). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

Bagi menjawab persoalan kajian ketiga apakah tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain instruksional, dapatan kajian menunjukkan bahawa graduan berjaya berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi keempat-empat kompetensi dalam domain ini.

Domain pelibatan komuniti mempunyai tiga (3) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu keupayaan membina jalinan dan jaringan serta perkongsian pintar bersama-sama ibu bapa/penjaga dan komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid. Kompetensi yang kedua adalah melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid iaitu keupayaan melibatkan komuniti untuk memperkaya pembelajaran murid. Kompetensi yang ketiga adalah meraikan kepelbagaian komuniti iaitu keupayaan menerima dan menghormati kepelbagaian dalam komuniti untuk manfaat bersama.

**Jadual 14**

Tahap Keupayaan Membina Jalinan dan Jaringan Serta Perkongsian Pintar Bersama-Sama Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti Luar untuk Menyokong Pembelajaran Murid

Elemen	Bilangan	Min	SP
--------	----------	-----	----

Item				
Elemen 3.1.1 : Membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti di dalam dan di luar sekolah	8	2.94	0.80	
Keseluruhan	8	2.94	0.80	

Terdapat satu elemen dalam kompetensi ini iaitu membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti di dalam dan di luar sekolah Berdasarkan Jadual 14 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 2.94 (SP = 0.80). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

**Jadual 15**  
*Tahap Keupayaan Melibatkan Komuniti untuk Memperkaya Pembelajaran Murid*

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 3.2.1 : Menyokong pelibatan komuniti untuk mengoptimumkan pembelajaran murid	9	2.94	0.80
Keseluruhan	9	2.94	0.80

Terdapat satu elemen dalam kompetensi ini iaitu menyokong pelibatan komuniti untuk mengoptimumkan pembelajaran murid. Berdasarkan Jadual 15 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 2.94 (SP = 0.80). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

**Jadual 16**  
*Tahap Keupayaan Menerima dan Menghormati Kepelbagaiannya dalam Komuniti untuk Manfaat Bersama*

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 3.3.1 : Bersikap terbuka terhadap kepelbagaiannya dalam komuniti	4	3.05	0.82
Elemen 3.3.2 : Memupuk sikap terbuka murid terhadap kepelbagaiannya dalam komuniti	7	3.06	0.82
Keseluruhan	11	3.06	0.82

Terdapat dua elemen dalam kompetensi ini elemen yang pertama bersikap terbuka terhadap kepelbagaiannya dalam komuniti dan kedua memupuk sikap terbuka murid terhadap kepelbagaiannya dalam komuniti. Berdasarkan Jadual 16 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.06 (SP = 0.82). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

Bagi menjawab persoalan kajian keempat apakah tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain pelibatan komuniti, dapatkan kajian menunjukkan bahawa graduan berjaya berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi ketiga-tiga kompetensi dalam domain ini.

Domain kualiti peribadi mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah mengamalkan peningkatan dan refleksi kendiri iaitu keupayaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti peribadi. Kompetensi yang kedua adalah menjawai amalan keguruan dan budaya kerja iaitu keupayaan mengekalkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti untuk memartabatkan profesion keguruan. Kompetensi yang ketiga adalah mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah iaitu keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan dan amalan kepimpinan yang dihormati dan disegani. Kompetensi yang keempat adalah menerima kepelbagaiannya budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab.

Jadual 17

*Tahap Keupayaan Mengenal Pasti Kekuatan dan Kelemahan Diri untuk Meningkatkan Keupayaan dan Kualiti Peribadi*

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 4.1.1 : Melaksanakan Penilaian Kendiri Secara Berterusan	3	3.09	0.82
Elemen 4.1.2 : Membangunkan Keupayaan Kendiri Secara Berterusan	6	2.94	0.78
Keseluruhan	9	3.02	0.80

Terdapat dua elemen dalam kompetensi ini, elemen yang pertama melaksanakan penilaian kendiri secara berterusan dan yang kedua membangunkan keupayaan kendiri secara berterusan. Berdasarkan Jadual 17 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.02 (SP = 0.80). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

Jadual 18

*Tahap Keupayaan Mengenal Pasti Kekuatan dan Kelemahan Diri untuk Meningkatkan Keupayaan dan Kualiti Peribadi*

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 4.2.1 : Mengekalkan Kecintaan Dan Menghargai Profesional Keguruan	8	3.07	0.78
Elemen 4.2.2 : Komited Dalam Memberikan Khidmat Yang Terbaik	3	3.04	0.81
Elemen 4.2.3 : Mengamalkan Etika Keguruan	5	3.09	0.77
Keseluruhan	16	3.07	0.79

Terdapat tiga elemen dalam kompetensi ini, elemen yang pertama mengekalkan kecintaan dan menghargai profesion keguruan, kedua komited dalam memberikan khidmat yang terbaik, dan yang ketiga mengamalkan etika keguruan. Berdasarkan Jadual 18 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.07 (SP = 0.79). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

**Jadual 19**  
*Tahap Keupayaan untuk Menonjolkan Keperibadian, Perwatakan dan Amalan Kepimpinan yang Dihormati dan Disegani*

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 4.3.1 : Mengamalkan nilai-nilai murni berasaskan ketuhanan	3	3.13	0.78
Elemen 4.3.2 : Mengamalkan etika dan moral profesional	3	3.12	0.76
Elemen 4.3.3 : Mempamerkan ciri-ciri kesukarelaan dalam aktiviti profesional atau sosial atau kedua-duanya	3	3.10	0.76
Elemen 4.3.4 : Memanfaatkan peluang melalui penerapan nilai keusahawanan	3	3.08	0.84
Keseluruhan	12	3.11	0.79

Terdapat empat elemen dalam kompetensi ini, elemen yang pertama mengamalkan nilai-nilai murni berasaskan ketuhanan, kedua mengamalkan etika dan moral profesional, ketiga mempamerkan ciri-ciri kesukarelaan dalam aktiviti profesional atau sosial atau kedua-duanya dan keempat memanfaatkan peluang melalui penerapan nilai keusahawanan . Berdasarkan Jadual 19 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.11 (SP = 0.79). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini.

**Jadual 20**  
*Tahap Keupayaan untuk Menghormati Perbezaan dan Persamaan Individu Lain dan Komuniti bagi Melaksanakan Tanggungjawab*

Elemen	Bilangan Item	Min	SP
Elemen 4.4.1 : Menghormati perbezaan dan persamaan antara individu	4	3.13	0.79
Elemen 4.4.2 : Memahami emosi kendiri dan individu lain serta menggunakan pemahaman tersebut untuk kebaikan organisasi	8	3.10	0.83
Elemen 4.4.3 : Melaksanakan pembelajaran inklusif	3	3.02	0.85
Keseluruhan	15	3.08	0.82

Terdapat tiga elemen dalam kompetensi ini, elemen yang pertama menghormati perbezaan dan persamaan antara individu, kedua memahami emosi kendiri dan individu lain serta menggunakan pemahaman tersebut untuk kebaikan organisasi dan ketiga melaksanakan pembelajaran inklusif . Berdasarkan Jadual 20 diatas, min keseluruhan kompetensi ini adalah 3.08 (SP = 0.82). Ini menunjukkan bahawa graduan telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi kompetensi ini. Bagi menjawab persoalan kajian kelima apakah tahap kompetensi graduan PISMP Ambilan Jun 2018 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain kualiti peribadi, dapatan kajian menunjukkan bahawa graduan berjaya berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bagi keempat-empat kompetensi dalam domain ini.

#### IV. KESIMPULAN DAN SARAN

Berdasarkan dapatan keseluruhan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya IPG Kampus Ilmu Khas dapat menghasilkan pelajar PISMP Ambilan Jun 2018 IPG Kampus Ilmu Khas yang berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0. Walaupun min keempat-empat domain mencapai standard kompetensi SGM 2.0, didapati bahawa min bagi domain orientasi ilmu adalah 2.95 dan min bagi domain instruksional adalah 2.98 berbanding dengan domain pelibatan komuniti iaitu min 3.00 dan domain kualiti peribadi dengan min 3.08. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang dan peluang untuk IPGM khususnya terus merancang dan menambahbaik program yang ditawarkan dengan mengambilkira cabaran masa kini untuk membangunkan generasi pelajar yang dapat menghadapi dan menangani cabaran-cabaran baharu terutamanya dalam era revolusi informasi abad ke-21. Menurut Jamel Abd Baser et al. (2017) setiap latihan dan program pendidikan guru perlu merangka kurikulum pengajian berdasarkan standard dan komponen yang telah ditetapkan dalam SGM bagi melahirkan guru yang membantu dalam membangunkan modal insan cemerlang.

#### V. DAFTAR PUSTAKA

- [1] Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku panduan akademik sesi 2017/2018: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- [2] Jamel Abd Baser, Nurul Syahada Mohd Suhaimi, Hasyamuddin Othman, Azman Hasan, Mohd Bekri Rahim, & Mohd Faizal Amin Nur Yunus. (2017). Standard Guru Malaysia dalam program persediaan guru Reka Bentuk dan Teknologi. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(2). Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4779>
- [3] Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). *Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [4] Makhsin, M., Teoh, Y. P., & Ismail, N. H. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 327-346. Doi:10.35631/IJEPc.746027
- [5] Mohd Aizat Abu Hassan., & Kamarudin Musa. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia, *Management Research Journal*. 9 (2). 37-45.
- [6] Sazali Yusof, Ahmad Sukari Mohamad,Siti Rohani Mohd Zainn (2018). Jiwa pendidik, kepercayaan dan amalan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah negeri Pulau Pinang. *Kolokium Kepimpinan Pendidikan Guru* , 7-9 November, 2018. Hotel Summit USJ.